# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# KHAMIS 15 FEBRUARI 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | M'SIA, INDONESIA TO COOPERATE ON FOOD SECURITY, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -2 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS) |
| 2. | ABOUT 18600 FOREIGN WORKERS NEEDED FOR AGRICULTURAL SECTOR, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4 | |
| 3. | CHAN FOONG HIN: 186,000 FOREIGN WORKERS NEEDED IN AGRICULRAL SECTOR, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 | |
| 4. | OVER 180,000 FOREIGN WORKERS NEEDED IN AGRICULTURAL SECTOR, NATION, CHINA PRESS -A6 | |
| 5. | 16 TAN MAKANAN HAIWAN DITAHAN TIADA PERMIT SAH, LOKAL, HM -16 | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS) |
| 6. | MAQIS TAHAN 16 TAN MAKANAN HAIWAN, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -15 | |
| 7. | AGROBANK PERUNTUK RM12 JUTA KEPADA 40 PETANI KONTRAK, BISNES, HM -27 | AGROBANK |
| 8. | AGROBANK PERUNTUK RM12 JUTA BANTU 40 PETANI KONTRAK, NASIONAL, SH -21 | |
| 9. | PKPNK PERKASA PROJEK PERTANIAN, KELANTAN, HARAKAH -11 | LAIN-LAIN |
| 10. | 2,000 PISANG TANDUK MUSNAH, PEKEBUN RUGI RM50,000, DALAM NEGERI, UM -31 | |
| 11. | BAJET 2023: JAMIN BEKALAN MAKANAN, NASIONAL, SH -10 | |
| 12. | KELANTAN BANTU TANGANI ISU 'FOOD SECURITY', FIKRAH, HARAKAH F1 | |
| 13. | KELANTAN SASAR MUNCUL 'BALOH NEGARA', WAWANCARA, HARAKAH -F2 | |

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2023 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 2 |

# M'sia, Indonesia to cooperate on food security

**KUALA LUMPUR:** Malaysia and Indonesia will strengthen bilateral cooperation in food security through agrofood trade and agricultural technical collaboration to ensure sustainable and continuous food sources.

The Agriculture and Food Security Ministry said the matter was discussed during a meeting between its minister Datuk Seri Mohamad Sabu and Indonesian ambassador to Malaysia Hermono at Menara Lembaga Pertubuhan Peladang on Tuesday.

The ministry said both countries are also ready to strengthen bilateral cooperation in agriculture, including collaborating under the Asean regional platform.

"Indonesia is the Asean chairman for 2023 while Malaysia is the host of the 45th Asean Ministers on Agriculture and Forestry Meeting this year.

"As Asean chairman, Indonesia agreed to focus on food security in this region," the ministry said in a statement.

Mohamad has been invited to Indonesia to have a closer look at the successful development of its padi industry, which has reached a 100% self-sufficiency level to cater to the country's domestic needs.

Indonesia is also ready to export corn and livestock products such as meat, milk and eggs to meet Malaysia's requirements.

Also present at the meeting were the ministry's deputy secretary-general (Policy) Datuk Azah Hanim Ahmad, senior officials as well as representatives of the Indonesian embassy in Malaysia.
– Bernama

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | About 186000 foreign workers needed for agricultural sector | | |
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 16 Feb 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A4 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 67 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 751 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,253 |



## 陈泓缣：为满足农业劳动力需求

# 我国需约18.6万名外劳

（布城15日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣说，我国需要约18万6000名外劳以满足全国各地农业的劳动力需求。

他指出，重置劳工计划2.0（RTK 2.0）自1月17日开放申请以来，已有3000名外劳在该计划下注册，以填补该领域的空缺。

“农业及粮食安全部正与数方合作，尤其是人力资源部及移民局，以解决所面对的劳动力短缺问题。”

他今日（15日）出席与农产品行业对话会及农业领域雇用外劳特别汇报会后，对媒体这么说。

陈泓缣说，通过重置劳工计划，业界拥有替代方式获取劳动力在农业领域工作，从而有助增加产量。

他指出，尽管如此，雇用外劳只是短期解决方案，以应对该领域的人手短缺问题及以免源自国家农业来源的收入受影响。

“其实，雇用外劳并非我们的主要目的，因为我们最终的主要目的是创造足够的就业机会及可观的（收入），以鼓励国人特别是年轻人涉足农业。”#



陈泓缣。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chan Foong Hin: 186,000 foreign workers needed in agricultural sector | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 16 Feb 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 110 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 833 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,499 |



陈泓缣:3千人注册重置计划2.0

# 农业仍需18.6万外劳

（布城15日讯）农业及粮食安全部副部长陈泓缣说，我国需要约18万6000名外劳以满足全国各地农业的劳动力需求。

他指出，重置劳工计划2.0自1月17日开放申请以来，已有3000名外劳在该计划下注册，以填补该领域的空缺。

“农业及粮食安全部正与数方合作，尤其是人力资源部及移民局，以解决所面对的劳动力短缺问题。”

他今日出席与农产品行业对话会及农业领域雇用外劳特别汇报会后，对媒体这么说。

陈泓缣说，通过重置劳工计划，业界拥有替代方式获取劳动力在农业领域工作，从而有助增加产量。

## 鼓励年轻人务农

他指出，尽管如此，雇用外劳只是短期解决方案，以应对该领域的人手短缺问题及以免源自国家农业来源的收入受影响。

“其实，雇用外劳并非我们的主要目的，因为我们最终的主要目的是创造足够的就业机会及可观的（收入），以鼓励国人特别是年轻人涉足农业。”

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Over 180,000 foreign workers needed in agricultural sector | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 16 Feb 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A6 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 199 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,925 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 11,775 |



## 陳泓縑：緩解人力助增產

# 農業領域需逾18萬外勞

（布城15日讯）农业及食品安全部副部长陈泓缣透露，农业领域目前还需要18万6000名外劳，来满足劳动力需求。

他说，自政府上个月落实外劳就业放宽计划后，农业领域至今有逾3000名外劳完成登记。

他指出，通过外劳就业放宽计划，业界拥有替代方式获取劳动力在农业领域工作，从而有助增加产量。

陈泓缣今日出席农粮业者对话会和农业领域雇用外劳特别汇报会开幕后说，招聘外劳不是政府的主要目标，但这是政府缓解人手短缺的短期方案，避免国家收入受人手短缺影响而减少。

### 鼓勵年輕人涉足農業

“疫情将近结束，我们要先把问题导回正轨，之后才去谈推广现代化农业和鼓励年轻人参与，那是下一步。

“我们最终目的，是创造足够的就业机会及可观的（收入），以鼓励国人特别是年轻人涉足农业。”

另外，陈泓缣致辞时也不忘提醒雇主，必须按照政府制定的标准支付外劳薪水，同时为外劳提供住宿便利，以维护国家的形象。

“如果不遵守，这会影响大马的国际声誉，让大马成为强迫劳动和人口贩运的例子。”

他补充，根据美国国务院发表的2022年度人口贩运报告，大马连续两年排列在最低第3级，若这种情况不及时解决，会影响大马产品与贸易国的出口贸易，特别是美国。



■陈泓缣（前排左2）与农粮业者交流。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 16/2/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 16 |



MAQIS Negeri Johor menahan 16 palet makanan haiwan di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah.

# 16 tan makanan haiwan ditahan tiada permit sah

**Johor Bahru:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menahan 16 tan makanan haiwan yang dibawa masuk ke negara ini melalui Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Gelang Patah di sini, kelmarin kerana tidak mempunyai permit import yang sah.

Maqis Negeri Johor berkata, barangan ditahan yang terdiri daripada 16 palet makanan haiwan itu dibawa masuk dari Singapura jam 3.30 petang.

"Pemeriksaan menemukan 640 guni makanan haiwan yang disusun di atas 16 palet dianggarkan berjumlah RM326,390.90.

"Makanan haiwan itu dibawa masuk tanpa mengemukakan Permit Import Maqis yang sah. Ia ditahan untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2023 | SINAR HARIAN | MAHKAMAH & JENAYAH | 15 |

# Maqis tahan 16 tan makanan haiwan

**ISKANDAR PUTERI -** Sebanyak 16 tan makanan haiwan yang dibawa masuk tanpa menggunakan permit import yang sah ditahan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis).

Maqis menerusi kenyataan memaklumkan, makanan haiwan dibawa dari Singapura itu ditahan di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) pada jam 3.30 petang pada Selasa.

"Hasil pemeriksaan dijalankan pegawai penguasa Maqis menemukan muatan 640 guni makanan haiwan dengan pembungkusan 25 kilogram (kg) setiap guni yang disusun atas 16 palet.

"Makanan haiwan dianggarkan bernilai RM326,390 itu ditahan untuk tindakan lanjut," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).



**Pegawai Maqis memeriksa dokumen setelah menahan makanan haiwan di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB) di Iskandar Puteri, Johor, pada Selasa.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2023 | HARIAN METRO | BISNES | 27 |

# Agrobank peruntuk RM12 juta kepada 40 petani kontrak

**Kuala Lumpur:** Agrobank menyediakan peruntukan pembiayaan sehingga RM12 juta kepada 40 petani kontrak daripada kumpulan B40 untuk dibimbing dan dibantu menjadi usahawan nanas berjaya dalam tempoh empat hingga lima tahun menerusi Program Agro Komuniti B40 Usahawan Peladang Kontrak Tanaman Nanas MD2.

Program ini dianjurkan dengan usahasama strategik antara syarikat Aqina Borneo Sdn Bhd dan Koperasi Pembangunan Desa dengan Agrobank menawarkan pembiayaan sehingga RM280,000 seorang untuk mengusahakan tanaman nanas di tanah seluas lima ekar untuk tempoh 54 bulan.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, menerusi program ini, Agrobank menyediakan pembiayaan kewangan mikro kepada semua peserta program berdaftar di bawah Aqina Borneo yang akan diberikan bimbingan menjadi usahawan nanas MD2 yang berjaya dalam tempoh singkat.

"Setiap peserta diberikan kemahiran teknikal dan ilmu pengurusan pertanian moden mengenai penanaman nanas MD2 terlebih dahulu sebelum diberikan kawasan seluas lima ekar untuk diusahakan bagi penanaman nanas.

"Aqina Borneo menyediakan bekalan asas untuk tanaman nanas seperti sulur nanas MD2, perundingan nasihat perniagaan, penggunan teknologi dan pasaran penjualan nanas," katanya.



TENGKU Ahmad Badli Shah (kiri) pada program Agro Komuniti B40 Usahawan Peladang Kontrak Tanaman Nanas MD2 di Beaufort, Sabah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 21 |

# Agrobank peruntuk RM12 juta bantu 40 petani kontrak

**SHAH ALAM** - Agrobank menerusi Program Agro Komuniti B40 Usahawan Peladang Kontrak Tanaman Nanas MD2 telah memperuntukkan pembiayaan sehingga RM12 juta kepada 40 petani kontrak daripada kumpulan B40 untuk dibimbing dan dibantu menjadi usahawan nanas berjaya dalam tempoh empat hingga lima tahun.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program itu dianjurkan dengan usaha sama strategik antara syarikat Aqina Borneo Sdn Bhd serta Koperasi Pembangunan Desa.

Menurutnya, Agrobank menawarkan pembiayaan sehingga RM280,000 seorang untuk mengusahakan tanaman nanas di tanah seluas dua hektar bagi tempoh 54 bulan.

Jelas beliau, menerusi program itu, Agrobank akan menyediakan pembiayaan kewangan mikro kepada kesemua peserta program berdaftar di bawah Aqina Borneo Sdn Bhd yang akan diberikan bimbingan menjadi usahawan nanas MD2 berjaya dalam tempoh singkat.

"Setiap peserta program ini akan diberikan kemahiran teknikal dan ilmu pengurusan pertanian moden mengenai penanaman nanas MD2 sebelum mereka diberikan kawasan seluas dua hektar untuk diusahakan bagi penanaman nanas.

"Aqina Borneo Sdn Bhd akan menyediakan segala bekalan asas untuk penanaman nanas seperti sulur nanas MD2, perundingan nasihat perniagaan, penggunaan teknologi dan pasaran penjualan nanas kepada peserta.

"Sepanjang program ini, setiap peserta program akan memperoleh pendapatan minimum tetap RM5,000 sebulan dan boleh meraih pendapatan sehingga RM50,000 bagi setiap pusingan tanaman diusahakan sehingga tempoh lima tahun," katanya dalam satu kenyataan.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, sebagai Institusi Kewangan Pembangunan (IKP), Agrobank amat komited untuk memperkasakan golongan B40 menerusi program mikro yang fokus membangunkan komuniti memerlukan khususnya kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak.

"Tanaman nanas MD2 merupakan sumber perniagaan yang menguntungkan. Sekiranya dikendalikan dengan betul dan secara konsisten, penanam nanas boleh memperoleh hasil bulanan lumayan dan berterusan.

"Pasaran nanas MD2 di dalam dan luar negara juga amat luas kerana hasil pendapatan bukan hanya terhenti di peringkat penanaman buah. Malah, jus dan sulur nanas juga mempunyai tempat serta nilai tersendiri di pasaran global," katanya.

Pada Sabtu, Program Agro Komuniti B40 Usahawan Peladang Kontrak Tanaman Nanas MD2 di Beaufort, Sabah telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri I merangkap Menteri Pertanian Perikanan dan Industri Makanan Sabah, Datuk Seri Dr Jeffrey G Kitingan.



**Jeffrey (depan, empat dari kanan) dan Tengku Ahmad Badli Shah (tiga dari kiri) pada majlis perasmian Program Agro Komuniti B40 Usahawan Peladang Kontrak Tanaman Nanas MD2 di Beaufort, Sabah pada Sabtu.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2023 | HARAKAH | KELANTAN | 11 |

# PKPNK perkasa projek pertanian



Rumah hijau projek tanaman sayuran secara hidroponik di Rong Chenok Tok Uban.

**KOTA BHARU:** Bagi memperkasakan lagi aktiviti pertanian kerajaan negeri menubuh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) bagi merealisasi sebagai negeri jelapang makanan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, PKPNK ditubuh pada 2014 dan diaktifkan 2019.

Katanya pada peringkat awal agensi itu masih bertatih, namun sekarang sudah berjalan dengan laju.

"PKPNK sebagai peneraju bidang pertanian di Kelantan, antara projek yang dilaksanakan sekarang projek pertanian di Rong Chenok Pasir Mas dengan mewujudkan pusat hidroponik dan pusat penternakan lembu hibrid.

"Agensi itu juga melaksanakan projek ternakan ayam daging dan tanaman rumput bagi menghasilkan makanan ternakan," katanya di sini.

Menurutnya usaha tersebut bagi membantu kerajaan menangani isu *"food security"* yang menjadi kekangan di peringkat negara sekarang.

Selain itu kata beliau usaha tersebut turut dibantu Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad, Kelantan Biotech Sdn Bhd, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan.

Katanya juga kewujudan PKPNK dapat merancakkan lagi pembangunan sektor pertanian di Kelantan.

"Insya-Allah kita turut mendapat kerjasama Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur (ECERDC) bagi menaik taraf pusat hidroponik di Rong Chenok dengan membina lebih banyak rumah hijau," ujarnya.

Katanya melalui bantuan ECERDC rumah hijau ditambah kepada 14 buah berbanding tiga yang ada sekarang, boleh menampung sehingga 600,000 tanaman sayur-sayuran.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |

# 2,000 pisang tanduk musnah, pekebun rugi RM50,000

**Oleh MASTURAH SURADI**
utusannews@mediamulia.com.my

**KOTA TINGGI:** Seorang pekebun di Kampung Punggai dekat sini, menanggung kerugian kira-kira RM50,000 selepas hampir keseluruhan pokok pisangnya musnah dilanda ribut, awal bulan ini.

Muhamad Shafiq Md. Gharip, 32, berkata, kira-kira 2,000 pokok pisang tanduk ditanam di tanah hampir satu hektar yang diusahakan sejak tiga tahun lalu musnah dalam kejadian itu.

Menurutnya, pokok pisang yang sudah mengeluarkan hasil dan dijangka boleh dituai dalam tempoh sebulan lagi untuk kegunaan semasa Ramadan dan Syawal kali ini.

Menurutnya rata-rata pelanggannya juga terdiri daripada pengusaha kerepek pisang tanduk.

"Ketika kejadian memang tengah musim banjir tetapi kebun saya terletak di tempat tinggi. Jadi, tidak terkena bencana banjir, sebaliknya kena pula ribut sehingga merosakkan hampir semua pokok.

"Saya sudah mengusahakan tanaman pisang tanduk ini sejak tiga tahun lalu, untuk tanaman yang terjejas ini sebanyak 2,600 saya tanam sejak tujuh bulan lalu dan yang terkesan kira-kira 2,000 pokok, rata-rata sudah mengeluarkan buah.

"Awalnya saya juga tidak tahu tentang kejadian ribut yang melanda kebun kerana kami memang tidak boleh masuk ke kebun ekoran jalan utama ke kebun dilanda banjir baru-baru ini. Kami dimaklumkan oleh petani lain yang menunjukkan keadaan kebun dengan kebanyakan pokok telah tumbang," katanya.



MUHAMAD Shafiq Md. Gharip menunjukkan kebun pisangnya yang terjejas akibat dilanda ribut di Kampung Punggai, Kota Tinggi.

Muhamad Shafiq berkata, kejadian itu adalah pertama kali dilalui sepanjang bergelar petani yang melibatkan jumlah kerugian besar.

Meskipun bersedih, namun dia tidak patah semangat untuk mengusahakan semula tanaman pisang tersebut yang akan dipelbagaikan lagi pada masa akan datang dan berharap sekiranya pihak yang berkenaan dapat memberikan bantuan kepadanya.

Terdahulu, Muhammad Shafiq yang merupakan ahli unit Peladang Kampung Baru Wawasan menerima kunjungan Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Pengerang, Mohamad Azhar Din.

Mohamad Azhar memaklumkan, pihaknya akan menghantar permohonan bantuan di bawah Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan bagi pihak Muhamad Shafiq.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 10 |

# Bajet 2023: Jamin bekalan makanan

Pakar jangka Kerajaan Perpaduan tumpu kepada sektor pertanian dalam pembentangan Bajet 2023 nanti

Oleh LIZA MOKHTAR
SHAH ALAM

Pakar ekonomi menjangkakan sektor pertanian negara menjadi antara fokus utama kerajaan dalam Bajet 2023 yang dijadual dibentangkan semula di Dewan Rakyat pada 24 Februari ini.



MUHAMMAD DAANIYALL



SHANKARAN

Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia, Dr Muhammad Daaniyall Abd Rahman berkata, sektor pertanian memainkan peranan kritikal dalam memastikan keterjaminan pengeluaran makanan negara.

"Tidak dinafikan kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada sektor lain dalam negara seperti sektor pembuatan dan perkhidmatan, namun sektor pertanian wajar diberi perhatian khusus agar produktiviti pengeluaran makanan dalam negara ditingkatkan. Ia adalah untuk memenuhi permintaan dan kestabilan harga bekalan makanan," ujarnya kepada *Sinar Premium* pada Rabu.

Beliau turut menjangkakan lebih banyak peruntukan diberi bagi mengadakan program peningkatan sekuriti makanan negara yang berorientasikan pertanian moden, selain insentif kepada pelabur sama ada dalam atau luar negara yang berminat menceburi sektor pertanian berteknologi tinggi.

Terdahulu, Bajet 2023 membabitkan peruntukan sebanyak RM372.3 bilion telah dibentangkan oleh bekas Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz pada 7 Oktober 2022.

Namun, ia terpaksa dibentangkan semula susulan pertukaran kerajaan pasca Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang menyaksikan pelantikan Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Perdana Menteri ke-10 merangkap Menteri Kewangan.

Menurut Anwar, Bajet 2023 yang dibentangkan semula itu tidak akan terikat dengan bajet terdahulu, bagaimanapun cadangan yang telah dibuat akan tetap diambil kira dalam Bajet 2023 yang baharu.

**B40 dan M40**

Muhammad Daaniyall turut menjangkakan, kerajaan akan mempertimbangkan bantuan untuk golongan M40 ke bawah yang bersempadanan dengan kategori B40 seperti M10 atau M20 pada pembentangan bajet kali ini.

"Jika dilihat bajet yang sebelum ini, golongan berkenaan tidak mendapat sebarang bantuan secara langsung kecuali dalam bentuk insentif potongan cukai.

"Bagaimanapun, harus diingat bahawa tekanan turut dirasai golongan ini berikutan kenaikan inflasi dan kos sara hidup," katanya lagi.




Sektor pertanian wajar diberi perhatian khusus agar produktiviti pengeluaran makanan dalam negara ditingkatkan.

Satu lagi segmen yang dijangka terus diberi perhatian dalam pembentangan Bajet 2023 adalah perusahaan kecil sederhana (PKS) yang merupakan tulang belakang dalam pertumbuhan ekonomi negara.

"Bantuan mungkin diberi dalam bentuk geran, pengecualian duti setem atau inisiatif yang mampu menambah baik dan meningkatkan daya saing PKS.

"Langkah proaktif seperti usahasama dengan pihak bank tempatan juga boleh diusahakan agar sektor PKS mempunyai ruang yang cukup untuk mengembalikan momentum pertumbuhan," katanya lagi.

Tidak ketinggalan, sektor pendidikan dijangka turut mendapat perhatian kerajaan dalam Bajet 2023.

"Peruntukan mungkin lebih terarah untuk pembinaan infrastruktur sekolah terutama di luar bandar agar lebih kondusif untuk aktiviti pengajaran dan pembelajaran," katanya.

Sementara itu, Fellow Penyelidik Kanan, Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), Dr Shankaran Nambiar berkata, Bajet 2023 perlu fokus menangani kelembapan ekonomi dan pengurusan hutang negara.

"Kelembapan ekonomi secara ketara menjejaskan pendapatan isi rumah terutama daripada kategori B40 dan juga perusahaan kecil sederhana (PKS).

"Tidak ketinggalan, ia turut menyumbang kepada isu pengangguran," ujar beliau.

Jelas Shankaran, intipati Bajet 2023 juga harus mencerminkan komitmen jitu kerajaan untuk menguruskan isu hutang dan liabiliti negara yang dilaporkan kini mencecah RM1.5 trilion.

"Bajet yang akan dibentangkan semula ini perlu memberi indikator bahawa kerajaan mempunyai strategi untuk mengurangkan hutang negara selain mengurangkan defisit fiskal," katanya.

Berkenaan bentuk bantuan yang mungkin diumumkan dalam pembentangan bajet kali ini, Shankaran membayangkan beberapa inisiatif.

"Mungkin boleh dipertimbangkan untuk buka kedai runcit kos rendah di mana kerajaan memberi subsidi sayur-sayuran, minyak masak, daging dan lain-lain dalam kuantiti terhad untuk kumpulan ekonomi tertentu.

"Untuk membantu PKS, mungkin kerajaan boleh memberi bantuan untuk mengadaptasi teknologi digital supaya lebih berdaya saing," ujarnya lagi.

Dalam pada itu, bagi memenangi sokongan penjawat awam, Shankaran menyarankan agar kerajaan mempertimbangkan pemberian bonus khas sempena sambutan hari raya.

Selain itu, beliau turut mencadangkan skim keselamatan sosial yang komprehensif sebagai alternatif kepada isu pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

"Isu pengeluaran KWSP memerlukan solusi yang lebih mampan berikutan kita tidak mampu menampung pengeluaran secara kerap," kata beliau.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2023 | HARAKAH | FIKRAH | F1 |

# Kelantan bantu tangani isu *'food security'*



Penggunaan dron mampu meningkat hasil pertanian.

SELAIN Kedah dan Selangor, Kelantan juga merupakan negeri pengeluar utama padi di negara ini. Tahun 2021 pengeluaran padi di Kelantan meningkat kepada 208 peratus kadar sara diri.

Begitu juga pengeluaran kelapa meningkat kepada 166 peratus. Daging kambing pula 190 peratus, buah-buahan (117 peratus), sayur-sayuran (98 peratus) dan ikan (93 peratus).

Bagaimanapun sehingga sekarang Kelantan masih kurang pengeluaran daging lembu, susu segar, ayam dan telur. Oleh itu Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Negeri terbabit merancang membawa pelabur untuk membuka ladang ternakan ayam penelur di Kelantan.

"Kita berusaha supaya penternak-penternak dapat menternak lembu yang lebih berkualiti untuk memastikan *'food security'* bagi keperluan rakyat.

"Kerajaan negeri juga memperuntukkan sebanyak RM500,000 kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk menyedia lembu charolais yang berkualiti," kata anggota Exco kerajaan negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail.



Ladang Merdeka KADA di Mulong Kota Bharu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 16/2/2023 | HARAKAH | WAWANCARA | F2 |

# Kelantan sasar muncul 'baloh negara'

**KETIKA negeri lain mahu dikenali sebagai negeri perindustrian, sebaliknya Kelantan terus memperkasakan sektor pertanian. Pembangunan bidang pertanian diberi tumpuan utama bagi mencapai sasaran Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara. Sehingga sekarang usaha itu membuah hasil apabila pengeluaran padi meningkat kepada 208 peratus. Begitu juga pengeluaran buah-buahan, daging kambing dan kelapa melebihi keperluan tempatan. Oleh itu bagi gambaran lebih jelas mengenainya ikuti temubual LANJUSOH dan MUHAMMAD ARIF ISMAIL bersama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail ketika ditemui di Kota Darulnaim baru-baru ini.**



**HARAKAH: Negara kita terpaksa mengimport bahan makanan sehingga berbilion ringgit setahun. Sejauh mana usaha Kelantan membantu kerajaan mengurangkan import makanan dari luar negara?**

**TUAN MOHD SARIPUDIN:** Kelantan sudah bercakap mengenai perkara itu lebih sedekad yang lalu. Almarhum Tok Guru Nik Abdul Aziz meletakkan target yang jelas iaitu Kelantan sebagai 'baloh negara' atau 'jelapang makanan negara'.

Kita bangunkan sektor pertanian sebagai salah satu sektor penyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Alhamdulillah ada peningkatan. Berdasar statistik Jabatan Perangkaan pada 2021 pengeluaran beras di Kelantan meningkat sebanyak 2 peratus. Sekarang kita sudah mencecah 22.8 peratus daripada KDNK negeri secara keseluruhan.

Isu keselamatan makanan sangat penting, jaminan atau keselamatan makanan untuk rakyat kita. Kita hendak mengurangkan import dari luar sumber atau hasil-hasil makanan asasi.

Kelantan telah merancang melalui jabatan-jabatan yang berkaitan termasuk Jabatan Pertanian, KADA, JPS dan IADA Kemasin Semerak supaya kita dapat menghasilkan sumber makanan yang mencukupi keperluan rakyat Kelantan dan Malaysia. Alhamdulillah, kita melihat trend tersebut ada kejayaan di mana pada tahun 2021 tahap kecukupan kadar sara diri (SSL) Kelantan dari segi hasil padi meningkat kepada 208 peratus. Ini bermakna sudah mencukupi pengeluaran beras sehingga dieksport ke negeri-negeri lain.

Kerajaan meletakkan target SSL padi sehingga 75 peratus, maka kementerian meminta negeri-negeri yang ada kemampuan meningkatkan hasil terutamanya padi.

Kelantan juga merancang untuk meluaskan sawah padi dengan kerjasama KADA, JPS dan Jabatan Pertanian supaya kawasan-kawasan padi dinaik taraf dari segi sistem perparitan. Saliran dinaik taraf untuk memastikan sumber hasil padi meningkat. Alhamdulillah walaupun kita berhadapan dengan isu sebahagian tanah sawah padi terkena pembangunan jajaran lebuh raya, projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) tetapi alhamdulillah hasil padi tidak berkurang.

Selain itu, kita juga menghadapi masalah bencana alam iaitu kemarau dan banjir sehingga menjejaskan pengeluaran padi. Sebab itulah kita ada kalendar aktiviti pertanian sepanjang tahun supaya pengeluaran padi tidak terjejas. Jadual tanaman padi ditetapkan bagi mengelakkan musim banjir. Contohnya Disember lepas ada sebahagian petani yang tidak sempat menuai padi kerana banjir berlaku secara mendadak.

Kelantan juga mewujudkan skim sawah berskala besar dengan kerjasama KADA dan Perbadanan Kemajuan Pertanian Kelantan bagi memajukan tanah-tanah yang baharu.

Perkara itu telah dibincang di peringkat Jawatankuasa Keselamatan Makanan Negeri iaitu kawasan seluas 5,000 hektar di Machang akan disediakan kemudahan infrastuktur pertanian yang lebih baik di kawasan tanaman padi. Kita hendak upgrade saliran dan infra yang lain supaya banyak kawasan yang asalnya dipanggil luar jelapang yang sebelum ini hanya bergantung sumber air hujan bagi penanaman padi. Sekarang kawasan terbabit hanya diusahakan sekali setahun (satu musim). Kita hendak menjelapangkan kawasan terbabit bagi tanaman padi dua kali setahun. Langkah itu dilakukan melalui bajet yang disediakan kerajaan negeri dan persekutuan. Kita telah mengangkat permohonan kepada kerajaan dan Kementerian Pertanian. Perkara itu sebenarnya sudah dibentang kepada Menteri Pertanian kerajaan sebelum ini, Dato' Seri Dr Ronald Kiandee berkaitan perancangan Kelantan membantu negara meningkatkan pengeluaran padi.

**Bagaimana pencapaian sektor pertanian setakat ini?**

Kita juga buat beberapa kaedah lain termasuk pemulihan tanah dengan baja organik. Baja boleh merawat tanah supaya tahap kandungan asid dalam tanah (pH) tanah lebih sesuai untuk tanaman padi.

Kerajaan negeri melaksana skim iaitu skim baja folia kepada petani-petani. Baja folia mampu menggalak pengeluaran buah. Purata hasil padi bagi satu hektar dahulu hanya tiga hingga empat tan metrik, namun sekarang meningkat lima hinga enam tan metrik.

Kita juga meningkat kaedah pertanian termasuk menggunakan teknologi dron pertanian. Kita juga galakan petani menggunakan dron, di mana sekarang lebih 100 orang telah berdaftar dengan KADA dan Jabatan Pertanian bagi mengikuti kursus pengendalian dron. Harapan kerajaan negeri suatu masa nanti ada petani yang ada kemahiran dan mendapat lesen mengendalikan dron.

Insya-Allah dengan beberapa usaha yang dilakukan termasuk menggantikan balik tanah pertanian yang terbabit dengan projek pembangunan kita akan dapat mewujudkan lebih banyak kawasan jelapang padi.

Kerajaan negeri juga membekalkan baja tambahan kepada pesawah bagi meningkatkan pengeluaran padi. Usaha itu sebahagiannya telah menampakkan hasil. Tahun lepas 2021 meningkat kepada 208 peratus kadar sara diri pengeluaran padi. Begitu juga pengeluaran kelapa meningkat kepada 166 peratus. Daging kambing pula 190 peratus, buah-buahan (117 peratus), sayur-sayuran (98 peratus) dan ikan (93 peratus).

Sehingga sekarang Kelantan masih kurang pengeluaran daging lembu, susu segar, ayam dan telur. Jawatankuasa Teknikal Keselamatan Makanan berbincang isu-isu yang berligar. Antara yang dikenal pasti Kelantan masih kekurangan ladang-ladang ternakan ayam penelur. Jadi kita merancang membawa pelabur untuk membuka ladang ternakan ayam penelur di Kelantan.

Begitu juga usaha untuk memastikan pengeluaran daging lembu mencukupi sedangkan daging kambing biri-biri sudah melebihi keperluan tempatan. Kita berusaha supaya penternak-penternak dapat menternak lembu yang lebih berkualiti untuk memastikan *"food security"* bagi keperluan rakyat. Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM500,000 kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) untuk menyedia lembu charolais yang berkualiti.

Kaedah itu dilaksanakan supaya penternak dapat menternak lembu dengan sistem pawah. Kelantan antara negeri yang menyediakan baka-baka lembu yang berkualiti sehingga ramai penternak dari negeri lain datang membeli lembu berkualiti di Kelantan. Ada yang datang dari Terengganu, Kedah dan Perak.

Kelantan sekarang muncul antara negeri pengeluar baka-baka lembu berkualiti belgian blue dan charolais. Peruntukan sebanyak RM1.9 juta disediakan kerajaan negeri pada bajet tahun lepas bagi membiakkan lembu jenis berkualiti tinggi.

Sebelum ini kerajaan negeri melaksanakan kaedah lembu pawah baka lembu kampung dan lembu Kelantan-Kedah. Jadi bagi meningkatkan kualiti lembu kita tukar kepada lembu charolais di mana kita agih kepada 45 Dun tahun lepas iaitu 6 ekor bagi setiap Dun yang melibatkan 270 ekor.

Insya-Allah daripada 270 ekor lembu tersebut tahun depan 70 peratus daripada akan dibuntingkan iaitu dengan memasukkan benih melalui permainan berhadas. Perkembangan lembu-lembu hibrid akan menjadi lebih pesat di Kelantan.

Lembu-lembu hibrid menghasilkan daging yang lebih banyak sehingga mampu mencapai 700 kilogram seekor. Ada juga yang sampai 800 sekilo seekor.

Daging lembu kampung biasanya sekitar 300 kilogram seekor bagi lembu besar. Tetapi melalui kaedah hybrid meningkat berkali ganda. Perbadanan Kemajuan Pertanian Kelantan merancang mewujud pusat ternakan lembu hibrid di Rong Chenok Pasir Mas. Kandang sudah siap dibina dan tahun ini dijangka 30 ekor akan dimasukkan.

Sekarang proses pemilihan lembu-lembu yang sudah bunting. Sebanyak 30 ekor akan masukkan di situ tidak lama lagi. Dan dari segi perkiraan formula biasa akan melahirkan 30 ekor anak yang baharu. Sebahagian lembu jantan dan sebahagian betina induk kita akan simpan, manakala anak lembu jantan boleh dijadikan lembu pedaging bagi meningkat *food security* di Kelantan.



Ladang Merdeka di Jelor.